

JANGAN PERJUDI MASA DEPAN

UM 19 APR 1982

KOTA BHARU 18 April - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan seluruh penduduk Kelantan supaya jangan memperjudikan masa depan mereka dan jangan membiarkan peristiwa menggadaikan tanah negeri itu kepada orang asing berulang lagi.

Perdana Menteri menarik perhatian, MCA dan MIC bekerjasama dengan UMNO kerana mereka menghormati orang-orang Melayu dan agama Islam, tetapi PAS sanggup berpakat dengan DAP, sebuah parti yang

kan parti itu," tanya Perdana Menteri.

"Jelaslah juga bahawa pemimpin-pemimpin FAS telah menjual parti itu kepada DAP sedangkan DAP sebenarnya tidak boleh menolong PAS.

"Jika mereka sanggup menggadai tanah yang menjadi hak orang-orang Islam, tidak hairanlah jika mereka bekerjasama dengan sebuah parti yang tidak menghormati Islam," kata Perdana Menteri.

"Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan rakyat khususnya di Kelantan supaya jangan sekali-kali berpecah-belah semata-mata kerana fahaman

Perdana Menteri menegaskan, golongan politik yang bertanggungjawab menggadaikan tanah Negeri Kelantan kepada pihak asing semasa mereka berkuasa dulu sedang berhempas pulas untuk mendapatkan balik negeri ini.

Menurutnya, golongan politik itu sudah sampai ke satu peringkat di mana mereka sedia menggunakan apa sahaja cara untuk mencapai matlamat mereka.

Berucap merasmikan Masjid Kok Lanas dekat sini hari ini, beliau berkata: "Bagi golongan itu agama Islam tidak lebih dari sebatang cangkul yang digunakan sebagai alat untuk memenuhi kehendak mereka."

Menurutnya, golongan itu yang pernah memerintah Kelantan selama 19 tahun telah menggunakan Islam sebagai daya penarik untuk kepentingan politik dan bukannya sebagai satu amalan yang disuruh oleh Tuhan.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, golongan tersebut pernah menggadai bumi Kelantan kepada pihak asing untuk mendapatkan wang dan adalah tidak menghairankan jika mereka mengulangi perbuatan itu.

Beliau mengingatkan rakyat Kelantan supaya menginsafi nasib malang yang pernah menimpa bumi Kelantan dan menggunakan hak mereka untuk menentukan supaya golongan tersebut tidak berpeluang mengulangi perbuatan mereka.

"Golongan itu tidak ubah seperti burung nong yang pandai berkata-kata tanpa mengetahui apa yang diperkatakannya dan tanpa memperdulikan kesannya."

"Mereka mengkafir orang-orang UMNO kerana bekerjasama dengan MCA dan MIC, tetapi kerjasama mereka dengan DAP secara sulit tidak mengapa," tegasnya.

mempertikaikan hak istimewa orang-orang Melayu dan tafsiran bumiputera.

DAP juga, tegasnya, sering mempersoalkan peruntukan-peruntukan yang disediakan oleh kerajaan untuk kegiatan-kegiatan keagamaan sedangkan MCA dan MIC tidak pernah membangkitkan soal-soal tersebut.

"Dan PAS sanggup berpakat dengan DAP semata-mata untuk kepentingan politiknya tanpa menghiraukan perkara-perkara lain.

Musuh

"PAS sanggup bekerjasama dengan sebuah parti yang tidakpun mahu menerima tafsiran bumiputera.

"Jelaslah DAP bermusuhan dengan orang-orang Islam dan PAS sanggup bekerjasama dengan mereka," katanya.

"Apakah balasan DAP terhadap sumbangan PAS untuk memenang-

politik.

"Kita ingin memelihara kedudukan agama Islam dan kita tidak boleh sekali-kali menyalahgunakannya," tegas beliau.

Terdahulu dari itu ketika merasmikan bangunan tambahan Sekolah Kebangsaan Sungai Peria di Kuala Krai, Perdana Menteri berkata, adalah tidak salah bagi orang-orang Islam bekerjasama dengan bukan Islam untuk mencapai sesuatu yang baik kepada masyarakat.

Tetapi tegasnya, kerjasama itu hendaklah didakan dengan mereka yang menghormati Islam dan bukannya golongan yang sanggup memusnahkan agama itu.

"Tidak salah kita menuntut ilmu dari mereka yang bukan Islam atau bekerjasama dengan mereka asalkan langkah kita itu tidak memusnahkan Islam," katanya.